

30/07/1997

Deklarasi perlu sesuai dengan kehendak semasa

KUALA LUMPUR, Selasa - Cadangan Malaysia supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia dikaji semula bukan bertujuan merombaknya sama sekali, tetapi bagi meneliti beberapa peruntukan supaya bersesuaian dengan kehendak semasa.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, Malaysia masih menerima deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berusia lebih 50 tahun itu, terutama asas utamanya yang dianggap sejagat.

Bagaimanapun, kata Timbalan Perdana Menteri, ada beberapa peruntukan khusus yang perlu dibincang semula termasuk aspek perlindungan ekonomi, hak sosial dan kebudayaan secara global.

"Saya rasa pendirian Malaysia agak jelas. Sejak beberapa dekad lalu, banyak negara yang menyertai PBB dan kebanyakan mereka mempunyai pandangan masing-masing berhubung kebebasan.

"Apa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ialah peluang untuk negara dan individu berkenaan melihat semula beberapa peruntukan tertentu. Saya rasa ini permintaan munasabah," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar Australia, Alexander Downer, hari ini.

Isu itu dibincangkan dengan hangat oleh Menteri Luar Asean pada sesi dialog di sini, hari ini ekoran cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemukakan kepada PBB.

Cadangan itu bagaimanapun ditentang hebat oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Madeleine Albright yang berkata, negaranya akan menentang sebarang usaha untuk 'mencairkan' deklarasi itu.

Terdahulu itu, Anwar menerima kunjungan hormat Albright yang berada di negara ini untuk menyertai Forum Serantau Asean (ARF).

Mengenai perbincangannya dengan Downer, Timbalan Perdana Menteri berkata, ia menyentuh hubungan dua hala di antara kedua-dua negara khususnya dalam menyelesaikan sebarang persengketaan yang timbul.

"Saya memberitahu Downer mengenai kepentingan untuk meningkatkan hubungan dua hala dan usaha menyelesaikan sebarang masalah dengan cara positif, berikutan pertambahan pelaburan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini," katanya.

Ditanya sama ada isu etnik yang dilaungkan oleh Ahli Parlimen Australia, Pauline Hanson menjejaskan hubungan berkenaan, Anwar berkata, Malaysia berpendapat ia lebih bersifat pandangan minoriti negara itu.

"Ia mewakili sejumlah rakyat Australia yang kecil dan bukannya suara kerajaan... dan saya fikir rakyat Malaysia kebanyakannya menyedari hakikat ini," katanya.

Mengenai kemungkinan Australia menyertai sesi Sidang Puncak Asia - Eropah (Asem) pada masa depan, Timbalan Perdana Menteri berpendapat, kerajaan perlu mengkaji kemungkinan itu dengan lebih mendalam.

"Kita berpendapat ia pada mulanya harus dibuka kepada rantau Asia Timur dan Eropah saja. Bagaimanapun ini bukan bertujuan mengetepikan negara tertentu.

"Jika ada keperluan untuk mengkajinya dengan membesarkan gugusan berkenaan, ia sudah tentunya memerlukan konsensus semua pihak," katanya.

(END)